

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

KONTRAKTOR DIINGATKAN AMBIL PEKERJA BINAAN SAH BERDAFTAR

CIDB ambil tindakan tegas sekiranya pekerja didapati menggunakan kad hijau CIDB palsu

Kuala Lumpur, 14 JANUARI 2021: Merujuk kepada laporan mengenai sindiket pemalsuan dokumen-dokumen imigresen, iKad dan Kad Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) palsu baru-baru ini, CIDB Malaysia ingin mengingatkan para majikan supaya memastikan dokumen pekerja adalah sah. Majikan perlu peka dan berwaspada dengan status pekerja binaan yang tidak berdaftar dan tidak diperakui tahap kompetensi mereka untuk melakukan kerja-kerja pembinaan kerana ianya boleh mendatangkan bahaya

Justeru itu, para majikan harus sentiasa memastikan kesahihan dokumen pekerja. Pengesahan maklumat pekerja boleh dilakukan dengan cepat dan mudah menerusi Direktori Personel Binaan di laman web Sistem Pengurusan Maklumat Setempat CIDB (CIMS), cims.cidb.gov.my.

Mengikut Akta 520, semua Pekerja Binaan mestilah berdaftar dengan CIDB bagi menjalankan kerja-kerja di tapak bina. Individu yang didapati menjalankan kerja-kerja pembinaan tanpa pendaftaran yang sah boleh didenda tidak melebihi RM5,000.

Kontraktor juga diingatkan untuk tidak terlibat dengan mana-mana pemalsuan dokumen dan sengaja mengambil pekerja binaan yang memiliki kad palsu, atau berdepan dengan tindakan tegas.

Pihak CIDB akan menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa. Sekiranya majikan didapati mengambil pekerja yang tidak berdaftar atau mempunyai dokumen palsu, CIDB akan mengambil tindakan tatatertib yang boleh mengakibatkan pendaftaran kontraktor terbabit digantung atau dibatalkan.

Untuk maklumat lanjut mengenai pendaftaran pekerja dan direktori personel binaan, sila layari laman web cims.cidb.gov.my atau hubungi hotline CIDB **03-5567 3300** (Waktu Operasi dari Isnin hingga Jumaat jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang).

####